

Company Name : NexG Berhad
Date : 29 August 2025
Source : Berita Harian

NexG Raih Kontrak RM1.73 Bilion Bekal Pasport Antarabangsa

KUALA LUMPUR: Anak syarikat NexG Bhd, Datasonic Technologies Sdn Bhd, memperoleh kontrak enam tahun bernilai RM1.73 bilion daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi membekalkan pasport antarabangsa Malaysia.

NexG dalam satu kenyataan berkata, Datasonic Technologies telah menerima dan bersetuju dengan surat lantikan daripada KDN untuk mengeluarkan dianggarkan tiga juta pasport antarabangsa setiap tahun.

Kontrak baharu itu disusun berasaskan model pembayaran mengikut penggunaan, dengan nilai siling bergantung kepada jumlah sebenar pasport yang dikeluarkan. Model ini memastikan kerajaan hanya membayar untuk jumlah pasport diperlukan tanpa perbelanjaan modal atau pelaburan awal, sekali gus memberikan ketelusan kos serta fleksibiliti kewangan.

NexG menjelaskan Datasonic Technologies telah menjadi pembekal rasmi pasport Malaysia sejak 2016 dan kini bakal menghasilkan pasport generasi baharu dengan ciri keselamatan serta ketahanan terkini yang memenuhi piawaian Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

Pasport itu akan dilengkapi teknologi biometrik bagi perlindungan lebih kukuh serta penggunaan lancar di pintu automatik, mencerminkan komitmen kerajaan terhadap keselamatan dan mobiliti antarabangsa rakyat Malaysia.

"Dari sudut perniagaan, kontrak jangka panjang ini memberi impak kewangan positif kepada NexG dan menjadi platform kukuh untuk pertumbuhan. Selain pasport, ia turut menyokong pengembangan syarikat dalam penyelesaian identiti digital, pemprofilan kredit dan projek kerajaan selaras dengan tonggak strategik NexG," katanya.

NexG juga komited melabur kira-kira RM250 juta bagi membangunkan kemudahan keselamatan tinggi baharu yang menekankan amalan kemampanan sejajar dengan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), bagi meningkatkan kapasiti serta daya tahan operasi.